

KHUTBAH JUMAAT

Bersempena Hari Pekerja dan
Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia

"PEKERJAAN BERKAT, KEHIDUPAN SELAMAT" (2 Mei 2025M/ 4 Zulkaedah 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ، وَبَعَثَ النَّبِيَّ
مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ. فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperolehi kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan Hari Pekerja dan juga Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia pada tahun ini, maka khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "***Pekerjaan Berkat, Kehidupan Selamat***".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pekerjaan yang kita lakukan sebenarnya adalah sebahagian daripada kehidupan. Dalam al-Quran terdapat banyak anjuran untuk kita bekerja bagi melaksanakan peranan sebagai

khalifah di bumi dan memenuhi keperluan serta kehendak kehidupan. Terdapat pelbagai bentuk pekerjaan yang boleh kita lakukan, antaranya berniaga, bertani dan bertukang, sama ada dalam sektor awam atau di sektor swasta, atau bekerja sendiri.

Setiap pekerjaan itu, jika dilakukan dengan niat mentaati perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan tidak bertentangan dengan hukum syarak akan menjadi sebahagian daripada ibadah kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا اسْتِغْفَافًا عَنِ الْمَسْأَلَةِ، وَسَعِيَ عَلَى أَهْلِهِ،
وَتَعَطَّفًا عَلَى جَارِهِ، لَقِيَ اللَّهَ وَوَجْهَهُ كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ. وَمَنْ طَلَبَ
الدُّنْيَا مُكَاثِرًا بِهَا حَلَالًا مُرَائِيًّا، لَقِيَ اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَبَانُ))

Maksudnya: Sesiapa yang mencari dunia secara halal, menahan diri daripada meminta-minta, berusaha untuk keluarganya dan berlaku baik kepada jirannya, Allah akan membangkitkannya di hari Kiamat dalam keadaan wajahnya umpama bulan pada malam purnama. Manakala sesiapa yang mencari (dunia) secara halal, saling berlumba-lumba mengumpul (kemewahan dan kedudukan) dan berbangga-bangga, maka dia akan bertemu Allah dalam keadaan Dia sangat murka kepadanya.

(Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Abi Syaibah dalam *al-Musannaf*)

Islam juga mengajar kepada kita bahawa setiap perkara yang haram hukumnya adalah tetap haram, walau bagaimana suci sekalipun niat orang yang melakukannya. Sebabnya, Islam tidak merestui sesuatu yang haram itu dijadikan wasilah atau cara kepada tujuan yang mulia; bahkan pada masa yang sama Islam menekankan kemurnian matlamat dan cara. Syariat Islam tidak menerima sama sekali prinsip matlamat menghalalkan cara, ataupun mencapai kebenaran melalui kerja-kerja batil. Sebaliknya, Islam mewajibkan umatnya mencapai kebenaran melalui jalan yang benar.

Oleh sebab itu, sesiapa yang mengumpul harta melalui amalan riba, rasuah, hiburan yang haram, perjudian, ataupun apa-apa amalan yang terlarang, dengan tujuan untuk membina sebuah masjid ataupun melancarkan program kebajikan, maka niatnya yang murni itu tidak mampu memberi kebaikan kepada dirinya. Malah tidak menyebabkannya terlepas sedikit pun daripada dosa melakukan perkara haram.

Justeru, dalam bekerja, kita hendaklah menjauhi sikap-sikap negatif seperti malas, curi tulang, rasuah dan pecah amanah, bertanggung, bercampur bebas antara lelaki dan perempuan yang tidak ada pertalian, lebih banyak melepak dari melakukan kerja dan sebagainya.

Sebaliknya, kita bertanggungjawab melaksanakan tugas dalam pekerjaan dengan penuh etika dan integriti. Antaranya, melaksanakan amanah pada hak yang sepatutnya, menepati masa, saling menghormati antara majikan dan pekerja serta sesama

mereka, mengamalkan akhlak yang mulia dalam berbicara dan tingkah laku agar hasil yang diperolehi diberkati oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Taubah, ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (١٠٥)

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Seiring dengan kepesatan perkembangan teknologi semasa, teknologi Kecerdasan Buatan dan pendigitalan semakin memainkan peranan besar dalam membentuk masa depan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Transformasi teknologi Kecerdasan Buatan dan pendigitalan secara global ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi kecekapan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Antara contoh penggunaannya:

Pertama: Mengenalpasti potensi bahaya sebelum berlaku kemalangan;

Kedua: Peranti Boleh Pakai (wearable devices) memantau kesihatan pekerja secara masa nyata; dan

Ketiga: Kecerdasan Buatan menganalisis data risiko untuk tindakan pencegahan lebih awal.

Inilah revolusi teknologi yang mendatangkan manfaat kepada umat, jika digunakan dengan amanah dan bijaksana.

Aplikasi teknologi semasa ini juga memainkan peranan penting dalam usaha kerajaan untuk membudayakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja termasuklah menurunkan kadar kecederaan pekerjaan negara. Ini terbukti berdasarkan statistik kecederaan pekerjaan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang menunjukkan bahawa kadar kecederaan pekerjaan menurun sebanyak 24%. Kadar kecederaan maut pekerjaan pula menurun sebanyak 56% dalam tempoh 10 tahun dari tahun 2013-2023. Kita berdoa semoga segala usaha dan inisiatif yang diambil akan memberikan kesan positif dalam mengurangkan trend kecederaan pekerjaan di negara kita.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Islam memandangi tinggi usaha mencari rezeki yang halal. Selain itu, Islam juga menekankan kepentingan menjaga nyawa dan keselamatan dalam setiap aspek kehidupan, termasuklah di tempat kerja.

Dalam hal ini, melaksanakan sesuatu pekerjaan untuk kehidupan adalah dituntut dalam agama. Begitu juga dengan menjaga nyawa yang turut menjadi satu tuntutan kewajipan di dalam Islam dan termasuk dalam Maqasid Syariah. Justeru, apabila kita bekerja dan

menjaga nyawa diri sendiri dan orang lain, secara tidak langsung kita telah menjalankan dua perkara ibadah yang dituntut dalam Islam. Ini bertepatan dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Ma'idah, ayat 32:

... وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا ...

Maksudnya: ... dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya ...

Marilah kita menjadikan pekerjaan kita sebagai satu jalan untuk berbakti kepada agama, masyarakat dan negara. Semoga dengan usaha untuk menjadikan tempat kerja kita lebih selamat dan sihat seiring dengan kepesatan teknologi yang dinamik, Allah *subhanahu wata'ala* memberkati hasil usaha kita dan melindungi kita semua daripada segala keburukan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya:

Pertama : Pekerjaan yang dilakukan dengan niat mentaati perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan tidak bertentangan dengan hukum syarak akan menjadi sebahagian daripada ibadah kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua : Umat Islam hendaklah melakukan sesuatu pekerjaan dengan penuh tanggungjawab, kesungguhan, ketekunan, ikhlas dan

berintegriti, agar hasil yang diperolehi diberkati oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga : Aplikasi teknologi semasa berperanan penting dalam menjayakan usaha kerajaan bagi membudayakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Jumu'ah, ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا
اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (١٠)

Maksudnya: *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkukuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya, serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.